

RUJ. KAMI (OUR REF.) :
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

UMP.02.01/10.12/2 JILID 4 (33)

19 Oktober 2011

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 12 TAHUN 2011 :
PEMANTAPAN PELAKSANAAN TAPISAN KESELAMATAN BAGI PEGAWAI YANG
DILANTIK DALAM PERKHIDMATAN DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**


Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 12 Tahun 2011 mengenai Pemantapan Pelaksanaan Tapisan Keselamatan Bagi Pegawai Yang Dilantik Dalam Perkhidmatan Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BT ABDULLAH)
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k : YH Dato' Naib Canselor

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 12 TAHUN 2011

PEMANTAPAN PELAKSANAAN TAPISAN KESELAMATAN BAGI PEGAWAI YANG DILANTIK DALAM PERKHIDMATAN DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti bagi menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2011 berhubung pindaan pelaksanaan tapisan keselamatan bagi pegawai yang dilantik dalam perkhidmatan awam.

LATARBELAKANG

2. Berdasarkan surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bil. JPA SULIT 376/Bhg.10/5 bertarikh 2 Mei 1979 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 1979, mengenai pelaksanaan tapisan keselamatan menyatakan pegawai yang dilantik dalam perkhidmatan awam dikehendaki menjalani tapisan keselamatan sebelum dilantik.
3. Pelaksanaan tapisan keselamatan di Universiti Malaysia Pahang dibuat berdasarkan Surat Pekeliling Pentadbiran UMP Bil.3 Tahun 2007. Pihak pengurusan bersetuju supaya semua staf UMP gred 27 dan ke atas dibuat tapisan keselamatan secara kasar dahulu. Walaubagaimanapun, mana-mana staf yang terlibat melihat atau akses kepada perkara-perkara terperingkat peringkat 'Sulit' juga dikehendaki membuat tapisan tanpa mengira gred jawatan.
4. Pelaksanaan tapisan keselamatan di UMP bukanlah merupakan salah satu dari syarat untuk pengesahan dalam perkhidmatan.
5. Peraturan 46(e), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U.(A) 176/2005] menetapkan pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan dan didapati gagal tapisan keselamatan **boleh ditamatkan perkhidmatannya.**

SYARAT DAN KELAYAKAN

6. Pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam dikehendaki menjalani dan lulus tapisan keselamatan **sama ada sebelum disahkan dalam perkhidmatan atau setelah disahkan dalam perkhidmatan.**
7. Bagi pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan tetapi belum menjalani tapisan keselamatan, pegawai hendaklah menjalani dan lulus tapisan keselamatan **dalam tempoh satu tahun mulai tarikh pegawai disahkan dalam perkhidmatan.**
8. Pengesahan dalam perkhidmatan pegawai yang belum lulus tapisan keselamatan boleh dibuat apabila pegawai telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk pengesahan dalam perkhidmatan; dan
9. Pegawai yang gagal tapisan keselamatan dan **belum disahkan** dalam perkhidmatan **boleh ditamatkan perkhidmatannya** berdasarkan Peraturan 46(e), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U.(A) 176/2005].
10. Pegawai yang gagal tapisan keselamatan dan **telah disahkan** dalam perkhidmatan boleh ditamatkan perkhidmatannya di bawah Seksyen 9 Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

PROSEDUR PERMOHONAN

11. **Setiap staf yang baru dilantik secara tetap atau kontrak** dikehendaki mengemukakan permohonan tapisan keselamatan dalam **tempoh 30 hari mulai tarikh melaporkan diri.**
12. Permohonan Tapisan Keselamatan hendaklah dibuat secara *on line* dalam *e-Community*. Satu salinan hendaklah dicetak dan dapatkan sokongan Ketua Jabatan sebelum dikemukakan kepada Jabatan Pendaftar untuk tindakan seterusnya.
13. Unit Perkhidmatan & Saraan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar akan mengemukakan permohonan tersebut kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan seterusnya.
14. Bagi pegawai yang **sedang berkhidmat yang belum lagi membuat tapisan keselamatan** hendaklah membuat tapisan keselamatan tersebut dengan segera.
15. Staf akan dimaklumkan setelah kelulusan diperolehi daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.

TARIKH KUATKUASA

16. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2011.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR

Tarikh : 18/10/2011

Edaran Kepada.:

Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Penolong Naib Canselor (Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Sbi/Pkh/c/pekeliling/PP12_2011